

Headline	Industri buluh diperkasa penuhi permintaan global		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Sep 2022	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	27	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	270 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,940
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,820



# Industri buluh diperkasa penuhi permintaan global

**Kementerian** Perusahaan Perdagangan dan Komoditi akan memperkasakan pembangunan industri buluh dengan pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif seiring permintaan global.

Menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin, berkata buluh semakin mendapat permintaan menggalakkan bukan hanya bagi pembuatan perabot, malah merangkumi pelbagai aktiviti hiliran lain seperti pembuatan tekstil.

Justeru, katanya, sebagai antara negara yang mempunyai ekosistem komprehensif dari segi penanaman, penyelidikan dan teknologi berkaitan buluh, Malaysia perlu pantas bergerak ke hadapan dalam industri itu.

"Kementerian melalui Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia

(MTIB) dan Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC) akan terus memperkasa industri buluh kerana ia adalah salah satu industri yang sedang membangun dan mendapat banyak permintaan dari luar negara.

"Kita ada teknologi dan kepakaran yang terbaik. Ambil peluang ini dan terus kukuh

lagi industri buluh. Kita mahu industri ini menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negara di masa depan," katanya selepas merasmikan Hari Buluh Sedunia Peringkat Malaysia di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.



Zuraida Kamaruddin

## 567 penanam buluh

Zuraida berkata, industri buluh tempatan ketika ini sangat kecil dan hanya mempunyai 567 penanam buluh tempatan yang terbabit secara langsung dalam industri berasaskan buluh di Malaysia, merangkumi industri papan buluh, perabot, pembinaan, tekstil, perladangan, makanan,

arang buluh dan kraftangan. Beliau berkata, pengurusan industri buluh perlu diselaraskan demi mempromosi dan memajukan industri itu dengan pelaksanaan inisiatif seperti program penyelidikan, pembangunan dan galakan yang berterusan, industri

buluh berupaya mengoptimalkan penggunaan sumber bahan mentah ini sebagai sumber alternatif yang bernilai tambah dalam industri perkayuan.

Katanya, industri perkayuan juga perlu mengikut Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) agar dapat memastikan kelestariannya.

"Ini kerana, kita ingin mengelak menjadi mangsa kepada negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dengan tuduhan palsu mereka terhadap industri perkayuan negara.

"Malah, kepakaran kita seperti yang dilaksanakan oleh FRIM juga perlu dikembangkan. FRIM perlu menasaskan negara dunia ketiga untuk memindahkan kepakaran teknologi mereka, sekali

gus menjadi sumber pendapatan negara kerana banyak negara dunia ketiga antaranya Bangladesh, India, Pakistan dan Kemboja yang sedang membangunkan industri ini," katanya.

## Sumbang RM22.7 bilion

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, industri perkayuan di Malaysia tahun lalu menyumbang sebanyak RM22.7 bilion kepada pendapatan eksport negara, meningkat sebanyak tiga peratus berbanding nilai eksport yang dicatat pada 2020.

Beliau berkata, peningkatan itu membuktikan permintaan dunia terhadap industri perkayuan negara terus meningkat walaupun sewaktu negara terpaksa berdepan dengan pandemik COVID-19.